



SIARAN MEDIA

PERMOHONAN PAS MEDIA SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2023

PUTRAJAYA, 6 September 2023 - Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Media dan Publisiti (JKMP) Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2023 telah **membuka permohonan Pas Media** sempena **sambutan Hari Malaysia 2023 yang akan berlangsung di Kuching, Sarawak pada 16 September 2023**.

Pendaftaran Pas Media tersebut terbuka kepada dua (2) orang pengamal media sahaja bagi setiap agensi media. Sehubungan itu, pengamal media yang akan membuat liputan bagi acara tersebut adalah dimohon untuk membuat permohonan melalui pautan <https://forms.gle/tPoXz771eM752e6m9> selewat-lewatnya pada **11 September 2023 (Isnin), pukul 12.00 tengah hari**.

Pengagihan Pas Media tersebut akan dibuat pada **14 hingga 16 September 2023 bermula pukul 5.00 petang hingga 8.00 malam di Pusat Media Hari Malaysia 2023 di Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, Kuching, Sarawak**.

Pengamal media adalah **WAJIB** menggunakan **PAS MEDIA** yang telah dikeluarkan oleh urus setia sepanjang membuat liputan sambutan Hari Malaysia 2023.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan **Puan Barina Anak Nani** di talian **019-834 6052** atau **Encik Denver Anak Bantok** di talian **011-5502 8939**.

Dikeluarkan oleh:

**Jawatankuasa Media dan Publisiti
Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023**